

05 JUL 2001

Mahathir-Saintis

SAINTIS DIMINTA JANGAN BENARKAN SOAL INSENTIF GANGGU TUMPUAN

KUALA LUMPUR, 5 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata para saintis tempatan tidak harus membenarkan soal insentif yang tidak mencukupi termasuk dalam bentuk wang mengganggu tumpuan mereka dalam melakukan penyelidikan.

Perdana Menteri berkata mereka tidak boleh membandingkan habuan yang diterima dengan apa yang diperolehi oleh ahli perniagaan, misalnya yang nampak hidup lebih mewah.

"Kita berasa juga iri hati tapi jangan benarkan perasaan itu menekan kita hingga kita tak boleh menumpukan perhatian pada perkara lain," katanya pada sesi dailog dengan para saintis yang menghadiri Konvensyen Sains 2001 di Seri Kembangan.

Dr Mahathir berkata setakat ini belum ada insentif dalam bentuk kewangan diberikan kepada para saintis.

"Tetapi kalau ada di kalangan mereka yang menghasilkan paper (kertas kerja) atau membuat apa-apa discovery (penemuan) yang menyumbang kepada ilmu pengetahuan, mungkin kita boleh pertimbangkan," kata beliau.

Konvensyen dua hari itu yang berakhir hari ini bertemakan "Pemantapan Ilmu Melalui Penyelidikan Sains Angkasa" dianjurkan oleh Institut Ibnu Sina (IIS), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dengan kerjasama Bahagian Keselamatan Negara Jabatan Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata lebih banyak saintis perlu melibatkan diri dalam bidang penyelidikan sains asas yang boleh menyumbang kepada dana ilmu dan seterusnya dikembangkan bagi menghasilkan aplikasi yang boleh dikomersilkan.

Beliau bersetuju dengan saranan seorang peserta supaya diwujudkan beberapa makmal sains kebangsaan yang membuat pelbagai penyelidikan termasuk dalam bidang sains asas tetapi cadangan mengenainya perlu datang daripada komuniti saintis sendiri.

Perdana Menteri berkata sepertimana IIS, yang merupakan sebuah institut terlibat dalam penyelidikan sains asas, universiti lain juga perlu mempunyai institusi sedemikian bagi memantapkan lagi dana ilmu tempatan.

Dalam soal mendapatkan peruntukan untuk projek penyelidikan, Dr Mahathir berkata golongan saintis perlu mempunyai kebolehan untuk meyakinkan pihak yang menguruskan dana tentang kepentingan cadangan penyelidikan mereka.

Katanya kerajaan bersedia menyediakan apa-apa kemudahan fizikal untuk memajukan bidang penyelidikan sains kerana ia berpendapat kemajuan dalam ilmu sains memainkan peranan besar dalam usaha membangunkan negara.

Mengenai bilangan saintis terutamanya saintis Melayu yang kurang di negara ini, Dr Mahathir berkata antara faktor yang mungkin menyumbang kepada situasi itu ialah orang Melayu kurang mempunyai sifat ingin tahu.

Dr Mahathir berkata mereka mempunyai sikap berpuas hati dengan keadaan di sekeliling mereka tanpa mempunyai banyak persoalan.

"Budaya ingin tahu adalah sangat penting. Jika ia boleh disemai sejak awal, kita boleh melahirkan banyak saintis yang berkebolehan," katanya.

Beliau yakin kecerdasan otak anak-anak Melayu tidak jauh berbeza dengan bangsa lain tetapi masalahnya ialah masyarakat Melayu tidak menganggap bidang sains sebagai sesuatu yang penting.

Dr Mahathir berkata sistem pendidikan sekarang juga kurang menekankan aspek pembentukan sikap ingin tahu ini di kalangan pelajar.

"Kita hanya serap dan hafal. Kalau kita ajar anak kita supaya menjadi

lebih tajam penglihatan dan mempunyai sifat ingin tahu, barulah kita boleh membangunkan saintis yang mempunyai sikap yang betul ke arah penyelidikan," katanya.

Beliau berkata persepsi sesetengah pihak bahawa bidang sains tidak ada kaitan dengan agama juga perlu dikikis.

"Saya yakin jika ada perubahan sikap berhubung bidang sains iaitu wujud tanggapan bahawa ia merupakan satu keperluan agama, sudah tentu ramai yang akan berminat untuk belajar sains," katanya.

Menjawab pertanyaan bagaimana beliau nampaknya sentiasa bertenaga dalam menjalankan tugas hariannya, Dr Mahathir berkata apa yang penting ialah seseorang itu mempunyai minat yang tinggi dalam kerja atau tugas masing-masing.

Menjawab pertanyaan pada sidang media kemudian, Dr Mahathir berkata kerajaan sedang dalam proses menyediakan rangka tindakan sains angkasa.

Konvensyen itu juga mengeluarkan resolusi yang antara lain menyebut bahawa melalui penyelidikan sains angkasa, akan lahir bidang-bidang ilmu seperti sains atmosfera, sains penderiaan, kriogenik, gelombang graviti, komunikasi, pengesanan dan pencegahan bencana alam serta pertahanan.

Ia mahu pengiktirafan sewajarnya diberikan kepada saintis termasuk menawarkan gaji, insentif serta laluan kerjaya yang menarik serta penganugerahan darjah kebesaran secara konsisten untuk saintis yang cemerlang dalam bidang masing-masing.

Konvensyen itu juga mencadangkan supaya peratusan perbelanjaan untuk penyelidikan dan pembangunan (R&D) ditambah daripada 0.3 peratus kepada 1.5 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK/GDP) supaya Malaysia tidak ketinggalan jika dibandingkan dengan negara maju yang membelanjakan antara tiga dan lima peratus daripada KDNK untuk tujuan itu.

Selain itu, ia menyarankan supaya pendidikan sains dan matematik di sekolah disemak semula ke arah menanam ciri meminati kedua-dua bidang itu dalam diri pelajar.

Latihan guru sains dan matematik juga perlu dikaji semula supaya tugas menanam minat terhadap ilmu sains dapat dilakukan dengan berkesan.

Konvensyen itu juga menyarankan pempiawaian kualiti guru sains dan matematik dilakukan dengan memastikan ijazah pertama guru adalah dalam bidang sains dan seterusnya ditambah dengan diploma pendidikan dengan insentif sewajarnya.

-- BERNAMA
MAM AHH NAK